

Bil. S 62

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
{Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3)}

PERINTAH TIMBANGTARA (PINDAAN), 2016

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 13 dari S 26/2010
 3. Pindaan bab 62
 4. Perkecualian
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH TIMBANGTARA (PINDAAN), 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Timbangtara (Pindaan), 2016.

Pindaan bab 13 dari S 26/2010

2. Bab 13 dari Perintah Timbangtara, 2009, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam ceraihan (8), dengan memotong “Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam” dan menggantikannya dengan “Pengerusi Pusat Timbangtara Negara Brunei Darussalam”.

Pindaan bab 62

3. Bab 62 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraihan (1), dengan memotong “Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam” dari baris ketujuh dan kelapan dan menggantikannya dengan “Pengerusi Pusat Timbangtara Negara Brunei Darussalam”.

Perkecualian

4. Mana-mana lantikan yang dibuat oleh Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam di bawah bab-bab 13 dan 62 dari Perintah utama dan berkuat kuasa sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah dibuat oleh Pengerusi Pusat Timbangtara Negara Brunei Darussalam.

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 26 haribulan September, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**